

06/07/1997

Kuala Muda tidak jejas Pulau Pinang

Hassan Omar

LANGKAWI: Kerajaan tidak akan membiarkan ekonomi kerajaan Pulau Pinang terjejas berikutan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di kawasan tambakan laut di Kuala Muda, Kedah.

Sebaliknya, kerajaan akan terus membantu pembangunan ekonomi Pulau Pinang yang bertunjangkan perindustrian perkilangan, meskipun lapangan terbang antarabangsa baru itu dibina di kawasan berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Sehubungan itu, kerajaan akan mendapatkan butir terperinci mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang di Kuala Muda daripada syarikat pemajunya, Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera) dan perkembangan pengangkutan kargo melalui udara di Pulau Pinang daripada Malaysia Airport Bhd (MAB).

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau akan diberikan taklimat mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang itu daripada pengurusan Samudera dan perkembangan semasa serta ramalan pengangkutan kargo di Pulau Pinang pada masa depan daripada MAB, Selasa ini.

"Saya akan diberikan taklimat mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Kuala Muda oleh Samudera dan perkembangan semasa serta keperluan pengangkutan kargo di lapangan terbang di Pulau Pinang oleh MAB," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan semula penyempurnaan tugas pemanjangan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi oleh Ekran Bhd (Ekran), di Padang Mat Sirat, di sini semalam.

Penyerahan itu disempurnakan Pengerusi Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing. Turut hadir ialah Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Projek membabitkan kos RM315 juta itu dimulakan sejak Januari 1995 dan siap sepenuhnya Jun lalu. Pemanjangan landasan sepanjang 1.9 kilometer daripada landasan asal sepanjang 2.1 kilometer itu membolehkan pendaratan pesawat Boeing 747-400, sekali gus membolehkan Langkawi menerima lebih ramai pelancong.

Sebuah pesawat berkenaan yang tiba dari Kuala Lumpur pagi ini dengan membawa Dr Ling adalah pesawat pertama yang melakukan pendaratan selepas pemanjangan lapangan terbang terbabit.

Cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Kuala Muda diluluskan kerajaan Kedah Mei lalu dan diberikan kelulusan oleh Perdana Menteri, sebulan kemudian apabila Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid menerima salinan surat faksimile daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut mahukan projek itu dipercepatkan.

Ia dicadangkan dibina di kawasan tambakan laut seluas 6,300 hektar di Kuala Muda, kira-kira 140 kilometer dari Alor Star yang bakal memperluaskan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Pulau Pinang bagi menampung keperluan penerbangan di wilayah utara.

(END)